

26/04/2001

RM28.5j baiki landasan kereta api

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini meluluskan peruntukan RM28.5 juta bagi melaksanakan projek membaik pulih landasan kereta api yang rosak di antara Kota Kinabalu, Beaufort dan Tenom, di Sabah dalam usaha meningkatkan sistem pengangkutan berkenaan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata keputusan itu dibuat atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu landasan dan sistem kereta api di bandar berkenaan diperbaiki segera, selepas melawat kawasan itu baru-baru ini.

Serentak itu, beliau mengarahkan Keretapi Tanah Melayu (KTM) untuk menghantar sekumpulan jurutera bagi melihat keadaan landasan itu dan mencadangkan cara terbaik memperbaikinya.

"Pembinaan dan usaha membaik pulih landasan sepanjang 150 kilometer itu dijangka dijalankan selama 12 hingga 14 bulan.

"Kerja memperbaiki landasan dan sistem keretapi itu perlu bagi memberi keselesaan kepada pelancong dalam dan luar negara yang menggunakan perkhidmatan itu.

"Perjalanan menaiki kereta api di antara Kota Kinabalu dan Tenom berkenaan akan melalui kawasan yang indah dan seharusnya dieksploitasi sepenuhnya untuk menarik lebih ramai pelancong menggunakan perkhidmatan berkenaan. Ini sekali gus dapat meningkatkan industri pelancongan di negeri terbabit," katanya selepas mesyuarat mingguan kementeriannya di sini hari ini.

Dr Ling berkata, pembinaan landasan kereta api menghubungkan bandar lain di negeri itu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, pada masa depan.

Sementara itu, Kementerian Pengangkutan bersedia membantu meningkatkan prasarana beberapa pelabuhan di Sabah seperti di Kudat dan Semporna yang didapati kurang peralatan canggih, khususnya pengendalian kargo.

"Saya sudah mengadakan perbincangan dengan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Wences Anggang, dua minggu lalu mengenai perkara itu. Diharapkan dengan bantuan berkenaan pelabuhan di negeri terbabit akan dapat meningkatkan kecekapan dan produktivitinya, pada masa depan," katanya.

(END)